

## Persiapan Solat Jumaat di Masjid

Oleh Muhamad Asyik

ROMPIN: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah mengeluarkan kenyataan dengan membenarkan pelaksanaan solat Jumaat di masjid negeri ini mulai esok.

Masjid di negeri ini mula membuat persiapan bagi solat Jumaat yang boleh disertai dengan jumlah jemaah yang ramai kerana sebelum ini hanya warganegara Malaysia sahaja yang dibenarkan solat Jumaat di setiap masjid.

Tinjauan di Masjid Qariah Rompin di sini, mendapati petugas sedang sibuk membersihkan masjid selain membuat tanda penjarakan sosial di ruangan solat.

Ia selepas beberapa minggu solat Jumaat ditangguhkan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), sejak 18 Mac lalu.



*Ahli noja masjid sedang membenteng sejadah dan membersihkan kawasan di dalam masjid untuk jemaah jumaat yang hadir ke masjid*


Pengerusi Masjid Qariah Rompin, Alias Abdullah, berkata persiapan akhir membuka kembali masjid berkenaan untuk solat Jumaat sedang giat dijalankan.

“Segala arahan yang dikeluarkan oleh MAINS dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu dipatuhi dengan sebaiknya,” katanya.

Mengenai kehadiran ke masjid, Affandy Muhammad Lani berkata kedatangan jemaah ke masjid seharusnya awal 10 minit selepas azan zuhur dilaungkan dan waktu yang sesuai untuk hadir ke masjid adalah bermula jam 12 tengah hari sehingga jam 1.10 tengah hari.

“Selepas 10 minit azan dilaungkan, pintu masuk masjid akan ditutup bagi mengelakkan keadaan sesak di kawasan masjid,” katanya.

Ahli noja masjid yang terlibat perlu melaksanakan penandaan penjarakan sosial di dalam masjid dan juga menyediakan meja pendaftaran bagi mencatatkan butiran serta memeriksa suhu ahli jawatankuasa masjid dan juga jemaah yang akan hadir ke masjid.



*Pembasmi kuman, alatan untuk semak suhu dan juga buku rekod kehadiran disediakan di depan pintu masuk masjid*

Jemaah yang hadir seharusnya mangambil wudu' dari rumah bagi memudahkan segala urusan di masjid dan diingatkan juga untuk menjaga diri serta tidak bersalaman antara satu sama lain.

Jemaah yang hadir perlu membawa sejadah masing-masing dan juga diminta untuk memakai pelitup muka ketika berada di kawasan masjid.

Diingatkan juga kepada semua jemaah untuk solat di masjid atau surau perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh MKN dan juga KKM.